PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) AKTIVITI PACUAN 4 RODA (4X4 OFFROAD)

DI BAWAH SELIAAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

KERANGKA PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
AKTIVITI KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4x4)
DALAM KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK

PENGENALAN

Dokumen ini disediakan sebagai panduan pengendalian Aktiviti Pacuan Empat Roda (4x4) dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Perak. Kerangka Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dibangunkan ini diharapkan dapat memberi panduan gerak kerja yang lebih jelas dan sistematik kepada pihak pengurusan, pelanggan dan pihak-pihak berkaitan dalam menjamin keselamatan aktiviti pacuan empat roda dan kelestarian sumber hutan di Negeri Perak.

Perkara	Keterangan
Tujuan	1. Memastikan kelancaran aktiviti permohonan permit untuk aktiviti pacuan empat roda (4x4) 2. Memastikan maklumat aktiviti pacuan empat roda (4x4) lengkap bagi rujukan pihak pentadbir kawasan dan juga pihak berkuasa. 3. Memastikan aktiviti pacuan empat roda (4x4) dilakukan dengan selamat dan beretika. 4. Membolehkan tindakan awal diambil sekiranya berlaku insiden kecemasan atau ketidakpatuhan.
Pihak Berkuasa Pemantau	1. Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) 2. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak (JBPM) 4. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak (JPS)
Individu Bertanggungjawab	Pelanggan yang memohon permit menjalankan aktiviti pacuan empat roda (4x4) dalam kawasan HKS JPNPk, yang terdiri daripada: 1. Pemandu Pacuan Empat Roda Berlesen 2. Organisasi atau Persatuan Pacuan Empat Roda (4x4) 3. Ketua Ekspedisi Aktiviti Pacuan Empat Roda

Terdapat dua kerangka / carta alir SOP yang dibangunkan seperti berikut:

Bil	Kod SOP	Tajuk Dokumen
1	PK-4X4-001	Carta Alir Permohonan Permit Menjalankan Aktiviti Kenderaan Pacuan Empat Roda (4X4) dalam Kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak
2	PK-4X4-002	Carta Alir Prosedur Operasi Standard (SOP) Aktiviti Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4) dalam Kawasan Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak

CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT MENJALANKAN AKTIVITI KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) DALAM KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK

Kod SOP: PK- 4X4 - 001



PELAN KERJA PERMOHONAN PERMIT MENJALANKAN AKTIVITI KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) - KOD SOP: PK-4X4-001

Perkara	Keterangan	Tindakan
1	**Pengumpulan Maklumat Perjalanan dan Peserta** a. Menyediakan jadual perjalanan yang sesuai dengan tempoh masa yang munasabah b. Mendapatkan maklumat peserta dan meyediakan dokumen sokongan. (*Peserta di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan*) ***Keperluan dokumen: WS-4x4-001 dan WS-4x4-002***	Pelanggan / Ketua Ekspedisi
2	**Permohonan e-Permit** a. Mengemukakan permohonan permit melalui sistem e-Permit sekurang-kurangnya 10 hari bekerja sebelum aktiviti. b. Menyertakan dokumen sokongan yang mengandungi maklumat lengkap mengenai peserta, jadual perjalanan, dan bayaran yang telah diterima (Rujuk perkara 1).	Pelanggan / Ketua Ekspedisi
3	**Proses Kelulusan** Mendapatkan maklumbalas daripada jabatan dalam masa 5 hari selepas permohonan. a. Jika gagal: Wang perlu dipulangkan dalam masa 10 hari bekerja b. Jika lulus: JPNPk akan menghantar salinan permit kepada pelanggan.	JPNPk/ Pelanggan / Ketua Ekspedisi
4	**Pengesahan dan Persiapan** a. Menerima salinan kelulusan sebagai pengesahan (perlu dibawa bersama sepanjang aktiviti) dan beberapa dokumen rujukan sebagai persediaan aktiviti. b. Mematuhi semua peraturan dan syarat yang dinyatakan dalam permit. c. Menyediakan kenderaan dan peralatan yang sesuai untuk aktiviti pacuan empat roda (4x4) dengan mengambil kira aspek keselamatan dan pemeliharaan alam sekitar. ***Dokumen rujukan: WS-4X4-003, WS-4X4-004, WS-4X4-005, dan WS-4X4-006***	JPNPk/ Pelanggan
5	**Pelaksanaan Aktiviti** a. Aktiviti kenderaan pacuan empat roda (4x4) dijalankan mengikut jadual dan laluan yang telah diluluskan. b. Sentiasa mematuhi etika pemanduan yang selamat dan mesra alam. c. Sebarang perubahan jadual atau laluan mesti dilaporkan kepada JPNPk segera.	JPNPk/ Pelanggan

CARTA ALIR PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) AKTIVITI KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) DALAM KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK

Kod SOP: PK- 4X4 - 002



PELAN KERJA SOP AKTIVITI KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA
KOD SOP: PK-4X4-002

Perkara	Keterangan	Tindakan
1	**Permulaan ekspedisi** a. Membuat pengesahan senarai kehadiran peserta dan melengkapkan Borang AKUAN JANJI sebelum permulaan aktiviti b. Memastikan borang AKUAN JANJI diisi dan ditandatangani. ***Keperluan dokumen: WS-4x4-007***	Pelanggan / Ketua Ekspedisi
2	**Makluman masuk kepada pihak polis / pihak berkaitan** Menyerahkan salinan PERMIT beserta maklumat lengkap peserta kepada pihak berkaitan: a. Balai/ Pondok POLIS berhampiran. b. JKKP/ Ketua Kampung/ Tok Batin (jika diminta).	Ketua Ekspedisi / Polis / Bomba
3	**Membuat penilaian persekitaran dan risiko** a. Memastikan keadaan cuaca dan situasi semasa adalah selamat untuk aktiviti dilakukan. b. Sekiranya situasi tidak selamat seperti hujan lebat, limpahan air, petir, dan tanah runtuh, pihak panganjur/ketua ekspedisi perlu menangguhkan/ membatalkan perjalanan.	JPNk/ Polis/ Ketua Ekspedisi/ Pelanggan
4	**Memberi taklimat perjalanan, undang-undang, keselamatan, dan prosedur kecemasan kepada ahli kumpulan.**	JPNPk/ Pelanggan
5	**Ekspedisi bermula** Aktiviti mesti dilakukan dengan mengamalkan budaya pemanduan selamat dan mematuhi etika dan prinsip LNT (*Leave No Trace*)	Pelanggan
6	Jika berlaku insiden, maka **SOP Pelan Kerja Tindakan Kecemasan 4x4** akan diguna pakai.	Pelanggan
7	**Deklarasi kepatuhan** Penilaian deklarasi kepatuhan dilaksanakan di stesen pemantauan	Pelanggan/ JPNPk
8	**Makluman keluar** Dilakukan segera kepada pihak polis sebaik komunikasi telefon dapat digunakan. a. Sebarang laporan insiden perlu diserahkan kepada JPNPk dalam masa 7 (tujuh) hari bekerja. b. Memastikan semua kawasan yang digunakan dikembalikan kepada keadaan asal dan bebas daripada pencemaran atau kerosakan	Ketua Ekspedisi/Polis/ JPNPk
9	**Tamat** Makluman keluar kepada JPNPk perlu dilakukan dalam sistem e-permit dalam tempoh 48 jam selepas ekspedisi tamat	Ketua Ekspedisi

KESIMPULAN

Dokumen ini akan menjadi rujukan utama pihak Jabatan Perhutanan Negeri dalam melaksanakan gerak kerja yang sistematik untuk sebarang pengurusan berkaitan aktiviti berkaitan kenderaan pacuan empat roda (4x4) dalam HSK. Dengan berpandukan carta alir yang dibangunkan, sebarang perkara berkaitan permohonan permit, pengurusan risiko, keselamatan, pematuhan etika da kecemasan dapat dikendalikan dengan lebih teratur dan berkesan.

Lampiran 1

KEPERLUAN PENYEDIAAN DOKUMEN LAMPIRAN SOP

Bil	Kod Lampiran	Nama Dokumen Lampiran	Tindakan
1	WS-4X4-001	Jadual Perjalanan Aktiviti Kenderaan Pacuan 4x4	Pelanggan/ Ketua Ekspedisi
2	WS-4X4-002	Lampiran Maklumat Peserta	Pelanggan/ Ketua Ekspedisi
3	WS-4X4-003	Kit Info Kecemasan Pacuan Empat Roda (4x4)	Pelanggan
4	WS-4X4-004	Senarai Semak Keperluan Keselamatan	Pelanggan
5	WS-4X4-005	Peraturan Aktiviti (*DOs and DON'Ts*)	Pelanggan
6	WS-4X4-006	Definisi Operasi	Pelanggan
7	WS-4X4-007	Borang Akuan Janji Peserta (*Indemnity Form*)	JPNPk/Pelanggan

Keterangan:
Bagi kelancaran proses permohonan permit, kriteria bagi dokumen WS-4x4-001, WS-4x4-002, WS-4x4-003, WS-4x4-004 dan WS-4x4-005 perlu **ditetapkan oleh JPNPk** dan **hebahan** perlu dikeluarkan.

JADUAL PERJALANAN (PERLU DISERTAKAN KOORDINAT)

CONTOH 1

NAMA KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL	HUTAN SIMPAN PIAH	**TARIKH MASUK**	15 AUG 2025
LALUAN MASUK	KUALA MU	**TARIKH KELUAR**	15 AUG 2025
JADUAL PERJALANAN		**CATITAN**	**MASA PERJALANAN (JAM)**
HARI PERTAMA	CP1 - CP2 (KOORDINAT)	PULANG HARI	4

CONTOH 2

NAMA KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL	HUTAN SIMPAN BANDING	**TARIKH MASUK**	15 AUG 2025
LALUAN MASUK	GERBANG PULAU BANDING	**TARIKH KELUAR**	16 AUG 2025
JADUAL PERJALANAN		**CATITAN**	**MASA PERJALANAN (JAM)**
HARI PERTAMA	CP1 - CP2 (KOORDINAT)	BERMALAM	7
		KELUAR	8

CONTOH 3

NAMA KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL	HUTAN SIMPAN BINTANG HIJAU	**TARIKH MASUK**	15 AUG 2025
LALUAN MASUK	FELDA LAWIN UTARA	**TARIKH KELUAR**	17 AUG 2025
JADUAL PERJALANAN		**CATITAN**	**MASA PERJALANAN (JAM)**
HARI PERTAMA	C1 - C2 (KOORDINAT)	BERMALAM	7
HARI KEDUA	C1 - C2 - C3 (KOORDINAT)	BERMALAM	8
HARI KETIGA	C1 - C2 (KOORDINAT)	KELUAR	6

LAMPIRAN MAKLUMAT PESERTA

CONTOH 1

NO	NAMA	PEMANDU/ PENUMPANG	NO IC	NO TELEFON	NAMA WARIS	NO TEL WARIS
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						
9.						
10.						
11.						
12.						
13.						
14.						
15.						
16.						

KIT INFO KECEMASAN

EKSPEDISI PACUAN EMPAT RODA DALAM KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL

TAHUKAH ANDA APAKAH TINDAKAN UTAMA KETIKA BERLAKU KECEMASAN?

1 KEKAL TENANG

Pastikan anda dan ahli dalam keadaan selamat

2 BERLINDUNG DI TEMPAT SELAMAT

Cari tempat perlindungan, bawa keluar peti pertolongan cemas dan mulakan rawatan asas sekiranya perlu.

3 HUBUNGI TALIAN KECEMASAN

999

POLIS BOMBA HOSPITAL APM MARITIM

Hubungi pihak berkuasa tempatan, dapatkan bantuan. Maklumkan juga kepada **Pejabat Hutan Daerah** berkaitan

4 KEKAL DI LOKASI, PATUHI ARAHAN PIHAK BERWAJIB

Tunggu arahan pihak berkuasa tempatan. Kekal di lokasi atau mula evakuasi. Lapor keluar setelah selesai.

UTAMAKAN KESELAMATAN

HUBUNGI KAMI

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020, IPOH PERAK.

05-5288100, 05-5288071, 05-5288072,
05-5288073, 05-5288075

05-5288101

jpnperak@forestry.gov.my

SENARAI SEMAK KEPERLUAN KESELAMATAN

Bil.	Perkara	Senarai Semak (✓)
1	Kit pertolongan cemas	
2	Kabel pelompat	
3	Tayar simpanan	
4	Alat penukaran tayar	
5	Pemadam api kecil	
6	Segi tiga keselamatan	
7	Tukul keselamatan pelbagai guna	
8	Pengecas telefon bimbit	
9	Lampu suluh dan bateri tambahan	
10	Perkakas pelbagai guna (multipurpose tools)	
11	Payung	
12	Air botol	
13	Set Win (Winch)	
14	*Walkie talkie*	
15	Wisel	
16	*Thermal protection aid*	
17	*Tree Trunk Protector*	
18	*Strap*	
19	*Snatch Block / Katrol*	
20	*Shackle*	
21	*Hi Lift Jack*	
22	*Bahan bakar / Diesel / Petrol*	
23	Penyodok	

Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia

PERATURAN AKTIVITI REKREASI & KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)

Berikut adalah panduan ringkas mengenai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh pemohon permit aktiviti pacuan empat roda (4X4) di kawasan hutan. Panduan ini dirangka berdasarkan peruntukan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 dan bertujuan untuk memastikan kelestarian alam sekitar serta keselamatan semua pihak.

DO'S (PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN):

1. **Memohon Permit:** Pastikan anda memohon dan mendapatkan permit sebelum memulakan sebarang aktiviti rekreasi dan 4X4. Permit diperlukan untuk aktiviti dalam kawasan HSK. Kadar pembayaran adalah tertakluk kepada kadar yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
2. **Ikut Laluan yang Ditetapkan:** Gunakan laluan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perhutanan sahaja. Laluan lain memerlukan kebenaran khas.
3. **Bawa Kelengkapan Keselamatan:** Pastikan semua peserta dilengkapi dengan peralatan keselamatan seperti tali, win (winch), alat komunikasi dan kit kecemasan.
4. **Patuh kepada Arahan Pegawai Hutan:** Sentiasa dengar dan patuhi arahan serta panduan daripada pegawai hutan yang bertugas dari masa ke semasa.
5. **Jaga Alam Sekitar:**
   a. Kumpul dan buang sampah di tempat yang ditetapkan.
   b. Kekalkan flora dan fauna; elakkan daripada mencabut atau merosakkan tumbuhan dan mengganggu haiwan.
6. **Lapor Aktiviti yang Mencurigakan:** Segera laporkan kepada pihak berkuasa jika melihat aktiviti yang melanggar undang-undang.
7. **Lapor Sebarang Insiden**: Melaporkan sebarang insiden atau kerosakan kepada pihak berkuasa dengan segera.
8. **Patuhi Masa Aktiviti:** Aktiviti hanya boleh dijalankan dalam waktu yang ditetapkan/diluluskan oleh Jabatan Perhutanan.

***DON'TS* (PERKARA YANG TIDAK BOLEH DILAKUKAN):**

1. **Masuk Tanpa Permit:** Memasuki kawasan hutan tanpa permit yang sah.
2. **Merosakkan Ekosistem:** Memotong, menebang, memangkas, atau memindahkan pokok, tumbuhan, hasil hutan atau mineral tanpa kebenaran.
3. **Mengganggu Flora dan Fauna:** Memburu, menangkap, menembak, memasang jerat atau mengganggu haiwan liar di kawasan hutan.
4. **Membuang Sampah Sembarangan:** Membuang atau melonggokan sampah, sisa, kotoran, atau sebarang bahan cemar lain di kawasan HSK.
5. **Menyalakan Api:** Menyalakan api terbuka atau membiarkan apa-apa api menyala tanpa kebenaran. Risiko kebakaran hutan adalah tinggi.
6. **Menggunakan Bahan Beracun dan Terlarang:** Menggunakan bahan beracun, bahan letupan atau mengaran (merenjat dengan arus elektrik) dalam sungai atau tasik untuk sebarang tujuan termasuk menangkap ikan.
7. **Menggunakan Laluan Haram:** Membuka laluan baru atau menggunakan laluan yang tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perhutanan Negeri.
8. **Memiliki Hasil Hutan Secara Tidak Sah:** Mengambil atau membawa keluar hasil hutan tanpa kebenaran rasmi daripada Pihak Berkuasa Perhutanan Negeri.
9. **Menggunakan Kenderaan Secara Tidak Sah:** Menggunakan kenderaan yang tidak berdaftar tanpa kelulusan khas.
10. **Melanggar Arahan Pegawai Hutan:** Mengabaikan atau melanggar arahan yang diberikan oleh pegawai hutan.

NOTA PENTING:

- Kegagalan mematuhi panduan ini boleh mengakibatkan pembatalan permit, denda, atau tindakan undang-undang di bawah Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022.
- Sentiasa utamakan keselamatan diri, ahli kumpulan, dan alam sekitar.

Jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Perhutanan Negeri Perak di alamat jpnperak@forestry.gov.my atau di talian 05-5288100,

---

DENGAN KERJASAMA ANDA, KITA MAMPU MENJAGA KELESTARIAN HUTAN UNTUK GENERASI AKAN DATANG.

JENIS AKTIVITI DIBENARKAN KETIKA AKTIVITI PACUAN EMPAT RODA DI DALAM HUTAN SIMPAN KEKAL

1. Aktiviti mesti tertakluk kepada tiga kategori:
   a) Rekreasi: Merangkumi aktiviti pemanduan lasak
   b) Program Amal: Bantuan kemanusian ke kampung orang asli
   c) Program Agensi Kerajaan

2. Penganjur adalah tertakluk kepada syarat serta peraturan sepertimana berikut:
   (a) Dilarang melakukan sebarang aktiviti yang boleh merosakan isi hutan, penebangan pokok dan mengeluarkan hasil – hasil hutan serta tidak dibenarkan mengutip dan membawa sampel keluar dari Hutan Simpan Kekal;
   (b) Menjaga kebersihan di kawasan tersebut dengan memastikan semua sampah sarap dan sisa makanan dikumpul dan dibawa keluar dan dibuang di tempat yang sepatutnya;
   (c) Dilarang membuang bahan-bahan beracun, sampah atau sisa makanan ke dalam sungai;
   (d) Dilarang menyala, menghimpun atau membara apa-apa api atau membiarkan api menyala dengan cara yang membahayakan hutan;
   (e) Sebarang masalah yang timbul akibat aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah menjadi tanggungjawab pihak penganjur; dan
   (f) Sepanjang berada di kawasan hutan, keselamatan diri dan harta benda adalah tanggungjawab pihak penganjur sepenuhnya dan Jabatan ini atau Kerajaan Negeri Perak adalah bebas daripada sebarang tanggungan atau *prosiding*.

3. Selaras seksyen 81(1), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 (Akta 313):

   81. (1) Melainkan jika dibenarkan di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh, dalam hutan simpanan kekal—

   (a) melepaskan ternakan atau membenarkan ternakan meragut;
   (b) menebang, memotong, menggelang, menanda, memangkas atau menoreh mana-mana pokok; atau merosakkan dengan api, atau selainnya, atau memindahkan mana-mana pokok atau kayu;
   (c) menyebabkan apa-apa kerosakan semasa menebang manamana pokok atau memotong atau mengheret mana-mana kayu;
   (d) mencari, mengambil, mendedahkan kepada apa-apa proses pengilangan atau memindahkan apa-apa hasil hutan atau mineral;
   (e) membersih atau membajak mana-mana tanah untuk tanaman atau apa-apa maksud lain;
   (f) menggunakan bahan beracun, atau dinamit atau bahan letupan lain di dalam sungai atau tasik bagi maksud menangkap ikan; atau memburu, menembak, menangkap ikan atau memasang jerat atau menjebak; atau
   (g) menceroboh dengan apa jua cara yang sebelum ini tidak dilarangi dalam seksyen ini.

4. Sebarang pelanggaran terhadap syarat atau peruntukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 (Akta 313) adalah kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti berikut:

   (a) Seksyen 47: Kesalahan menceroboh, denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

      i. *Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.*

   (b) Seksyen 81: Mana-mana orang yang melanggar peraturan boleh dikenakan hukuman seperti yang ditetapkan dalam peraturan tersebut.

      i. *Jika kesalahan itu dibawah perenggan (a) subseksyen (1), denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit;*
      ii. *Jika kesalahan itu di bawah perenggan (b) atau (c), denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu; dan*
      iii. *Jika kesalahan itu di bawah perenggan (d),(e), (f) atau (g), denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara atau selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.*

DEFINISI SECARA OPERASI (DSO) BAGI AKTIVITI KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4)

Definisi operasional memberi penerangan atas istilah yang digunakan dalam dokumen ini, termasuk definisi pelaku yang terlibat, kegiatan, dan tetapan yang dibuat.

4.1 Kenderaan Pacuan Empat Roda (4X4)

Kenderaan bermotor yang dilengkapi sistem pacuan empat roda (4x4) untuk memberikan daya tarikan kepada keempat-empat roda secara serentak, biasanya digunakan untuk merentasi permukaan mencabar seperti jalan tidak berturap, hutan, lumpur, atau kawasan berbukit.

4.2 Kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK)

Merujuk kepada kawasan hutan yang tertakluk dibawah Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992 dan Dasar Perhutanan Malaysia yang diwartakan untuk tujuan pemeliharaan biodiversiti, perlindungan ekosistem, dan kepentingan alam sekitar. Aktiviti di dalamnya adalah terhad kepada tujuan yang dibenarkan sahaja, seperti penyelidikan, konservasi, atau rekreasi terkawal.

4.3 Prosedur Operasi Standard (SOP)

Dokumen arahan berkenaan dengan prosedur atau garis panduan yang ditetapkan yang mengandungi turutan langkah-langkah terperinci dalam memastikan pelaksanaan sesuatu tugas atau aktiviti dijalankan dengan selamat, cekap. SOP di dalam dokumen ini akan memperincikan turutan langkah-langkah berkenaan proses sebelum, semasa dan selepas aktiviti pacuan empat roda (4X4).

4.4 Aktiviti Kenderaan Pacuan Empat Roda (4X4)

Aktiviti luar yang melibatkan kenderaan pacuan empat roda (4X4) yang merangkumi ekspedisi atau perjalanan santai yang meliputi aspek teknikal untuk melalui laluan yang mencabar dan tidak berturap seperti laluan berbatu, berlumpur, berpasir, atau berbukit.

4.5 Rekreasi luar

Merujuk kepada apa-apa bentuk aktiviti rekreasi yang dijalankan di kawasan luar, khususnya di kawasan semulajadi. Aktiviti rekreasi luar boleh dikelaskan kepada aktiviti pasif dan aktif (kembara lasak).

4.6 Risiko

Risiko merujuk kepada kemungkinan yang boleh menyebabkan kehilangan sesuatu yang dianggap bernilai oleh individu, sama ada kesihatan, tubuh badan, harta benda, dan emosi.

4.7 Pihak Berkuasa Perhutanan Negeri (PBPN)

Pihak Berkuasa Perhutanan Negeri merujuk kepada Jabatan Perhutanan Negeri yang menerima pakai dan melaksanakan dokumen ini. PBPN adalah bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, memantau, dan menyelia semua bentuk aktiviti rekreasi, kemudahan, dan sumber yang berkaitan dengan aktiviti pendakian di dalam kawasan HSK.

4.8 Pentadbir Kawasan Hutan (PKH)

Pentadbir kawasan hutan merujuk kepada mana-mana Pegawai Hutan Daerah yang diturunkan kuasa mengikut undang-undang untuk memberi kebenaran, membatalkan, mengeluarkan permit, atau menarik balik permit kepada individu ke kawasan HSK. PKH juga adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan menyelia aktiviti rekreasi di HSK.

4.9 Pasukan Penyelamat

Pasukan penyelamat ertinya mana-mana badan beruniform atau bukan beruniform yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia dan dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang Malaysia bagi melaksanakan tindakan kecemasan apabila berlaku kemalangan di dalam kawasan HSK. Pasukan penyelamat termasuk Polis Diraja Malaysia, BOMBA, pasukan perubatan, dan agensi penerangan.

4.10 Permit Masuk

Permit Masuk merujuk kepada dokumen kebenaran untuk memasuki HSK yang dikeluarkan dalam Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022.

4.11 Kawasan Aktiviti

Laluan, jalur, lokasi rehat, dan tapak perkhemahan di dalam HSK yang telah ditetapkan oleh PBPN.

4.12 Laluan Aktiviti

Jalur atau trek di dalam HSK yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh PBPN untuk aktiviti rekreasi atau eksplorasi dengan mematuhi peraturan dan menjaga kelestarian alam sekitar.

4.13 Laluan Haram

Jalur atau trek di dalam HSK yang tidak diluluskan oleh PBPN bagi sebarang bentuk aktiviti termasuk aktiviti rekreasi, eksplorasi aatau pacuan empat roda.

4.14 Insiden

Merujuk kepada kejadian yang tidak dijangka tetapi tidak semestinya membawa kepada kecederaan atau kerosakan besar, walaupun berpotensi menyebabkan gangguan kepada aktiviti atau menimbulkan risiko yang lebih serius jika tidak ditangani dengan betul. Contoh insiden termasuk kemalangan kecil, kerosakan peralatan, atau konflik antara peserta.

4.15 Kemalangan

Kemalangan merujuk situasi kecelakaan yang menimpa individu yang sedang menjalankan aktiviti di dalam HSK. Bentuk kecelakaan adalah seperti fizikal, fisiologi, psikologi, dan/atau spiritual, dan boleh dikelaskan kepada beberapa peringkat mengikut darjah teruknya sesuatu kecelakaan tersebut.

4.16 Kecemasan

Keadaan yang tidak dijangka yang diluar kawalan atau kejadian darurat yang memerlukan tindakan segera untuk melindungi nyawa, harta benda, atau alam sekitar daripada bahaya atau kerosakan lebih lanjut

4.17 Tindakan Kecemasan

Apa-apa operasi mencari, menyelamat, atau mengeluarkan mangsa yang terlibat dalam situasi kecemasan dan kemalangan sewaktu aktiviti rekreasi dan ekspedisi di dalam HSK.

4.18 Pengurusan Risiko

Proses mengenalpasti punca, menilai, menaksir, dan mengawal risiko aktiviti rekreasi dan ekspedisi. Tindakan kawalan risiko dibuat untuk memastikan keselamatan peserta pada tahap yang boleh diterima.

4.19 Hasil Hutan

Sumber semula jadi yang diperoleh dari hutan, termasuk kayu, buah-buahan, herba, dan produk bukan kayu lain yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan komersial dan peribadi.

4.20 Ketua Kumpulan

Individu yang memimpin, mengurus, atau mewakili kumpulan dalam semua urusan berkaitan permohonan permit aktiviti 4x4. Ketua Kumpulan bertanggungjawab untuk memastikan semua ahli kumpulan memahami dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Ini termasuk mengkoordinasi aktiviti dan menjadi titik rujukan utama bagi sebarang komunikasi dengan pihak berkuasa.

4.21 Perkara yang BOLEH dilakukan

Aktiviti atau tindakan yang dibenarkan dan disyorkan dalam konteks tertentu, seperti mematuhi laluan yang ditetapkan, menggunakan peralatan keselamatan, dan menjaga kebersihan kawasan.

4.22 Perkara yang TIDAK BOLEH dilakukan

Aktiviti atau tindakan yang dilarang oleh pihak berkuasa, undang-undang, atau peraturan, dalam konteks tertentu, yang jika dilakukan boleh menyebabkan penalti, bahaya, atau kerosakan.

CONTOH SURAT AKU JANJI

SURAT AKU JANJI PESERTA
AKTIVITI KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4)
DI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK

Saya yang bertandatangan di bawah ini:

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Alamat: .....

No. Telefon: .....

Tarikh Aktiviti: .....

Lokasi Aktiviti: Hutan Simpan Kekal [Nama Hutan] .....

Dengan ini saya mengaku dan berjanji bahawa:

1. Saya akan mematuhi segala arahan dan peraturan yang ditetapkan serta yang berkuat kuasa semasa oleh pihak penganjur dan pihak berkuasa Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta panduan yang telah ditetapkan seperti di lampiran WS-4X4-001.
2. Saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan diri, kenderaan serta barangan peribadi sepanjang penglibatan dalam aktiviti ini.
3. Saya tidak akan melakukan sebarang perbuatan yang merosakkan alam sekitar, termasuk menebang pokok, membuang sampah merata-rata, mencemar sumber air, atau mengganggu hidupan liar.
4. Saya faham bahawa Hutan Simpan Kekal merupakan kawasan yang dilindungi di bawah undang-undang, dan saya akan mematuhi semua peraturan berkaitan seperti yang termaktub dalam Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 (Akta 313).

SURAT AKU JANJI PESERTA
AKTIVITI KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4)
DI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK

5. Saya bersetuju bahawa pihak penganjur dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kecederaan atau kemalangan yang berlaku sepanjang aktiviti.
6. Saya bersedia untuk dikenakan tindakan undang-undang sekiranya melanggar mana-mana peraturan atau melakukan kerosakan terhadap hutan simpan ini.

Saya membuat aku janji ini dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab sebagai peserta.

Tandatangan Peserta: _____

Tarikh: _____

Disahkan oleh (Pegawai Bertugas/Penganjur):

Nama: .....

Jawatan: .....

Tandatangan & Cop Rasmi: _____

Tarikh: _____